

Keterlibatan wanita dalam institusi masjid menurut perspektif Islam: Analisis terhadap program perlindungan wanita berteraskan Maqasid Al-Syari'ah

Mohammad Nor Izzuddin Mohd Parid¹, Mohd Farid Mohd Sharif^{2*}

^{1,2}Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800, USM, Pulau Pinang, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 6 July 2025

Revised 29 August 2025

Accepted 31 August 2025

Published 2 September 2025

Keywords:

Wanita

Institusi masjid

Program perlindungan
Islam

DOI:

10.24191/ejssh.v9i1.5020

ABSTRACT

Keterlibatan wanita dalam institusi masjid merupakan aspek penting dalam pembangunan masyarakat Islam yang komprehensif. Dalam konteks semasa, masjid bukan sahaja pusat ibadah, tetapi juga berfungsi sebagai pusat pendidikan, dakwah dan sokongan sosial. Kajian ini bertujuan meneliti keterlibatan wanita dalam masjid dari perspektif Islam dengan memberi tumpuan khusus kepada program dan aktiviti yang menyokong perlindungan serta pemerkasaan wanita. Di samping mengangkat martabat wanita sebagai individu yang berperanan dalam masyarakat, keterlibatan mereka melalui aktiviti seperti ceramah kesedaran, kaunseling kekeluargaan, kelas kemahiran, dan program sokongan bagi mangsa keganasan rumah tangga merupakan antara inisiatif penting yang dilaksanakan oleh masjid. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif berbentuk kajian pustaka, yang melibatkan analisis terhadap sumber-sumber ilmiah dan kajian-kajian terdahulu berkaitan keterlibatan wanita dalam institusi masjid. Kajian ini menganalisis bagaimana program-program ini dirancang dan dilaksanakan serta menilai kesesuaiannya dengan prinsip syariah. Selain itu, kajian ini turut menelusuri cabaran yang dihadapi oleh wanita ketika melibatkan diri dengan institusi masjid. Hasil kajian mendapati bahawa keterlibatan wanita dalam masjid berpotensi memperkukuh jati diri muslimah serta memperluas peranan masjid sebagai institusi yang inklusif dan responsif terhadap pemerkasaan sosial wanita. Kajian ini menyumbang kepada pengukuhan peranan masjid sebagai institusi pembangunan masyarakat dan pemerkasaan wanita Islam secara bersepadu.

^{2*} Corresponding author. E-mail address: faridusm@usm.my

<https://doi.org/10.24191/ejssh.v9i1.5020>

1. PENDAHULUAN

Institusi masjid memainkan peranan penting dalam sejarah peradaban Islam, bukan sahaja sebagai pusat ibadah, malah turut berfungsi sebagai pusat pendidikan, penyebaran ilmu, pentadbiran dan sokongan sosial kepada masyarakat. Sejak zaman Rasulullah s.a.w., masjid telah memainkan peranan pelbagai dimensi dalam kehidupan umat Islam, termasuk sebagai ruang bagi pembentukan masyarakat madani yang inklusif dan sejahtera (Nasr, 2002). Dalam konteks masyarakat Islam kontemporari, peranan ini telah berkembang selaras dengan keperluan semasa, termasuk dalam aspek memperkasakan wanita. Islam secara asasnya mengiktiraf kedudukan dan peranan wanita dalam pembangunan masyarakat, dan masjid seharusnya menjadi salah satu ruang utama untuk membentuk, melindungi dan memperkasakan golongan wanita dalam pelbagai aspek kehidupan.

Namun begitu, masih wujud pelbagai kekangan dan cabaran berkaitan penglibatan wanita di masjid yang sering berpunca daripada kekeliruan berkaitan peraturan agama, kelemahan aspek pengurusan, termasuklah wujudnya prejudis berhubung persepsi awam terhadap keterlibatan wanita dalam ruang masjid (Abu Rabi', 2006; Wadud, 2006). Namun demikian, melalui penelitian yang telah dilakukan, terdapat indikator yang menunjukkan berlakunya peningkatan penyertaan wanita secara aktif dalam pelbagai program masjid seperti ceramah agama, kelas pengajian, kaunseling kekeluargaan, latihan kemahiran dan sokongan untuk mangsa keganasan rumah tangga. Inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja menampakkan usaha memperkukuh jati diri wanita muslim, malah selari dengan prinsip syariah yang menekankan penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta (Auda, 2008).

Kajian ini dijalankan bagi menganalisis secara mendalam penglibatan wanita dalam institusi masjid dari perspektif Islam, khususnya melalui program dan aktiviti yang berkaitan dengan perlindungan dan pembangunan wanita. Pendekatan kajian ini bersifat kualitatif melalui kaedah kajian pustaka, dengan meneliti sumber-sumber ilmiah dan hasil-hasil kajian terdahulu. Analisis dilakukan dengan tujuan untuk menilai reka bentuk program dan kaedah pelaksanaan serta meneliti kesesuaiannya dengan prinsip syariah. Di samping itu, kajian ini juga menelusuri cabaran yang dihadapi oleh wanita ketika melibatkan diri dengan institusi masjid.

2. ULASAN TENTANG KAJIAN-KAJIAN TERDAHULU

Terdapat trend peningkatan dalam kajian-kajian terdahulu berhubung peranan institusi masjid sebagai pusat ibadah dan pembangunan komuniti setempat. Sebagai contoh, kajian oleh Sitti Nurul Adha (2024) menjelaskan bahawa konsep masjid mesra komuniti seharusnya menyediakan ruang yang seimbang antara lelaki dan wanita. Artikel ini turut menyemangati teori yang diberikan oleh Jasser Auda berhubung perluasan maksud *maqasid al-syari'ah* yang menggalakkan keterlibatan wanita dalam kegiatan masjid dengan mewujudkan keselesaan, keadilan termasuklah bantuan perlindungan.

Abu Bakar et al. (2023b) pula menerangkan bahawa wanita secara teorinya mempunyai peranan penting dalam aspek pengurusan masjid dan pembangunan komuniti masjid, namun sering berdepan kesukaran dari aspek praktikal kerana wujud cabaran utama dalam bentuk diskriminasi gender. Pemikiran yang stereotaip ini menyebabkan wanita tidak mendapat sokongan yang mencukupi sekaligus menghadkan akses keterlibatan mereka dalam aktiviti masjid. Dalam konteks perlindungan wanita yang lebih spesifik, Norazla dan Fatin (2021) berpandangan bahawa sebarang inisiatif yang mahu menjadikan masjid sebagai pusat aduan dan transit perlindungan berhubung kes keganasan rumah tangga wajar dipuji sebagai suatu langkah yang proaktif. Namun, kebanyakan inisiatif yang dicadangkan setakat ini sering berdepan dengan isu-isu perundangan, logistik dan pengurusan. Proses penambahbaikan dalam aspek-aspek ini harus dimulakan segera agar ia tidak menjadi kekangan yang boleh menghambat kejayaan program-program ini untuk direalisasikan.

Selain itu, terdapat juga kajian yang memberikan fokus terhadap aktiviti pendidikan wanita. Sebagai contoh, Salwati et al. (2021) menjelaskan bahawa aktiviti pendidikan wanita seperti kelas-kelas agama berbentuk pengajian agama dan tasmik al-Quran, termasuklah kelas-kelas kemahiran seperti pengendalian jenazah, masakan dan jahitan, didapati boleh memperkasakan peranan wanita untuk memberi sumbangan yang aktif dalam komuniti. Pewujudan jawatankuasa wanita di masjid turut dilihat boleh mengupayakan usaha ini. Ismail et al. (2023) menekankan bahawa jawatankuasa seperti itu akan memastikan wanita dapat memainkan peranan aktif dalam membantu masjid bertindak sebagai pusat khidmat sosial wanita. Menurut beliau, sudah terdapat masjid yang tampil menyediakan pelbagai program sokongan kepada wanita seperti program ibu tunggal, anak yatim, mualaf, dan golongan asnaf. Namun, pihak masjid yang terlibat menganjurkan program seumpama ini berdepan dengan cabaran utama dalam bentuk bantuan kewangan untuk memastikan kelestarian program itu.

Kesemua hasil kajian ini menjelaskan keperluan untuk memperkukuh lagi peranan institusi masjid sebagai sebuah pusat khidmat komuniti yang responsif terhadap keperluan wanita, sekaligus mengangkat nilai-nilai positif seperti keadilan dan keihisan dalam Islam. Seterusnya dalam artikel ini, penulis akan menganalisis kesemua program-program ini untuk meneliti kesesuaiannya dengan prinsip syariah sebagai suatu usaha untuk memperkayakan lagi wacana tentang wanita dan institusi masjid dalam konteks hari ini.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berteraskan kaedah kajian pustaka (*library-based research*), memandangkan ia paling sesuai untuk menelusuri perbincangan ilmiah secara mendalam berkaitan keterlibatan wanita dalam institusi masjid menurut perspektif Islam. Tumpuan diberikan kepada prinsip-prinsip syariah dan kerangka *maqasid al-shari'ah* sebagai asas analisis normatif. Sumber utama kajian terdiri daripada teks-teks Islam yang bersifat autoritatif seperti al-Qur'an, hadis, karya fiqh klasik dan kontemporari, serta pandangan ulama muktabar. Di samping itu, kajian ini turut meneliti dokumen dan artikel ilmiah terkini yang diterbitkan dalam jurnal berindeks, tesis sarjana dan doktor falsafah, laporan institusi Islam, serta kertas kerja seminar yang relevan dengan topik perbincangan.

Analisis data dilaksanakan secara tematik dengan mengenal pasti tema-tema utama seperti peranan wanita dalam masjid, bentuk program sokongan dan perlindungan terhadap wanita, isu aksesibiliti, serta kesesuaian pelaksanaan program dengan prinsip *maqasid al-shari'ah*. Kaedah analisis ini menggabungkan pendekatan induktif dan deduktif bagi memahami serta menilai kerangka normatif Islam dan implikasinya dalam konteks kontemporari. Bagi menjamin integriti ilmiah, pemilihan dan penilaian sumber dilakukan dengan teliti dan hanya sumber yang mempunyai kredibiliti akademik serta bersifat autoritatif diambil kira. Pendekatan menyeluruh ini membolehkan pembinaan suatu kerangka konseptual yang mantap untuk menilai sejauh mana institusi masjid dapat berfungsi sebagai ruang yang menyokong pembangunan dan perlindungan wanita menurut prinsip-prinsip Islam yang holistik dan dinamik.

4. PEMERKASAAN PROGRAM PERLINDUNGAN WANITA DI MASJID BERASASKAN *MAQASID AL-SYARI'AH*

Masjid merupakan institusi sosial dan rohani yang memainkan peranan strategik dalam pembinaan masyarakat Islam yang sejahtera dan berteraskan nilai-nilai ketuhanan. Peranannya tidak terbatas kepada pelaksanaan ibadah ritual semata-mata, bahkan melangkaui kepada pembentukan sahsiah, pemeraksanaan komuniti, serta pemeliharaan kesejahteraan sosial, termasuk dalam kalangan wanita. Dalam landskap moden yang sarat dengan cabaran pelbagai dimensi, keterlibatan wanita di masjid wajar dilihat secara lebih menyeluruh dan bersifat transformatif.

Sehubungan itu, pendekatan berasaskan *maqasid al-shari'ah* dalam merangka program perlindungan wanita di masjid menjadi suatu keperluan yang mendesak. Pendekatan ini bukan sahaja menjamin pemeliharaan hak dan maruah wanita, malah memastikan bahawa segala inisiatif yang dilaksanakan sejajar dengan prinsip keadilan, keseimbangan, dan kemaslahatan umat. Justeru, masjid harus tampil sebagai institusi dinamik yang mampu menterjemahkan nilai-nilai syariah secara holistik dan kontekstual dalam mendukung pembangunan wanita secara menyeluruh.

Pendekatan *maqasid al-shari'ah* berperanan penting dalam menjamin kesejahteraan masyarakat dengan menegakkan kemaslahatan umum dan mencegah kemungkaran. Asas ini menjadikannya suatu kerangka yang signifikan dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan syariah serta penerimaannya dalam kalangan umat Islam, di samping memperoleh keredaaan Allah SWT (Mohd Yusob et al., 2015). Dalam konteks keadilan gender, *maqasid al-shari'ah* menawarkan pendekatan kritis terhadap ajaran atau amalan yang bersifat diskriminatif dan meminggirkan wanita.

Konsep ini menekankan kepentingan untuk berlandaskan manfaat sebenar serta keperluan masyarakat, tanpa terjerumus dalam generalisasi yang bersifat stereotaip terhadap golongan wanita. Pendekatan *maqasid al-shari'ah* menuntut analisis yang lebih teliti dan bersifat kontekstual terhadap realiti kehidupan wanita, sejajar dengan prinsip keadilan, keseimbangan, dan ihsan yang menjadi teras dalam hukum Islam (Santoso et al., 2022). Dengan demikian, *maqasid al-shari'ah* bukan sahaja menjadi asas hukum, malah menjadi pemacu kepada pembinaan dasar dan program yang lebih inklusif dan berkeadilan gender.

4.1 Prinsip pemeliharaan agama (*Hifz Al-Din*)

Prinsip pemeliharaan agama merupakan asas terpenting dalam kerangka *maqasid al-shari'ah*, yang menekankan keperluan melindungi, memelihara serta menyebarkan ajaran Islam secara menyeluruh. Dalam konteks perlindungan wanita di masjid, prinsip ini bukan sekadar menjamin kebebasan wanita untuk melaksanakan ibadah dalam suasana yang selesa dan terjamin, malah turut merangkumi akses terhadap ilmu agama yang sahih dan bersifat membina. Pemerkasaan wanita Muslim melalui pendidikan agama yang berterusan adalah elemen penting dalam memastikan kelangsungan nilai-nilai Islam dalam kehidupan mereka, serta memperkukuh jati diri sebagai insan beragama di tengah-tengah cabaran kontemporari.

Sebagai institusi tarbiah yang unggul, masjid memikul tanggungjawab dalam mendidik wanita berkaitan asas-asas akidah, ibadah, akhlak dan kefahaman syariah. Pelaksanaan program seperti kuliah agama khusus wanita, halaqah ilmiah, dan forum pemahaman Islam kontemporari menjadi instrumen penting dalam memperkukuh pengetahuan agama mereka (Abu Bakar et al., 2023a; Ismail et al., 2023). Pendidikan berasaskan nilai ini amat signifikan agar wanita tidak mudah terpengaruh dengan aliran pemikiran yang menyeleweng, termasuk fahaman liberal yang meremehkan syariat atau ekstremisme yang memperalatkan agama untuk menindas hak wanita (Mohd. Yusof & Nordin, 2010; Sa'ari & Borhan, 2006). Seperti yang dinyatakan oleh Auda (2008), *maqasid al-shari'ah* tidak hanya bersifat literal terhadap pelaksanaan hukum, tetapi harus menjurus kepada pencapaian keadilan, rahmah, dan pembangunan diri secara menyeluruh.

Di samping pendidikan, *hifz al-din* turut menuntut agar ruang ibadah yang inklusif dan mesra wanita disediakan dalam institusi masjid. Ini merangkumi penyediaan ruang solat yang bersih, kemudahan pengajian yang kondusif, serta keterlibatan wanita dalam pelbagai peranan di masjid seperti sebagai penceramah, fasilitator dan penggerak komuniti. Pendekatan ini bertepatan dengan sunnah Rasulullah SAW yang sentiasa membuka ruang kepada wanita untuk hadir ke masjid dan menuntut ilmu secara langsung (al-Asqalani, 2004). Justeru, dalam kerangka prinsip *hifz al-din*, masjid seharusnya merangka program perlindungan wanita yang menitikberatkan pembangunan rohani, pengukuhan ilmu, serta pembentukan identiti wanita yang seimbang antara keperluan duniawi dan ukhrawi.

4.2 Prinsip pemeliharaan jiwa (*Hifz Al-Nafs*)

Hifz al-nafs memberi tumpuan kepada perlindungan nyawa serta kesejahteraan jasmani dan rohani manusia. Prinsip ini menuntut agar setiap individu dipelihara daripada sebarang bentuk ancaman yang boleh menggugat keselamatan fizikal, emosi dan mental. Dalam konteks wanita, terutamanya mereka yang terlibat dengan institusi masjid, aspek perlindungan ini merangkumi pencegahan terhadap keganasan rumah tangga, gangguan seksual, diskriminasi gender serta tekanan psikososial yang timbul akibat ketidakseimbangan peranan dalam ruang domestik dan sosial. Penekanan ini menegaskan bahawa pemeliharaan jiwa bukan hanya terhad kepada larangan membunuh, tetapi juga meliputi penjagaan maruah, keseimbangan emosi dan keselamatan psikologi, sebagaimana dijelaskan oleh Auda (2008).

Sebagai pusat komuniti yang memiliki autoriti moral dan sosial, masjid wajar memainkan peranan yang lebih proaktif dalam memastikan keselamatan dan pemerkasaan wanita melalui pelbagai mekanisme sokongan. Ini termasuklah penyediaan ruang selamat untuk beribadah dan berinteraksi, khidmat kaunseling syarie, sesi terapi kelompok berteraskan nilai Islam, serta penganjuran program sokongan kesihatan mental. Pandangan Ibn 'Ashūr (2006) yang menekankan bahawa *maqasid al-syari'ah* berfungsi untuk menjamin keamanan sosial melalui perlindungan golongan rentan turut mengukuhkan kedudukan masjid sebagai agen pelaksana kepada prinsip *hifz al-nafs*. Justeru, penyediaan pusat intervensi krisis, kempen kesedaran anti-keganasan rumah tangga, dan program latihan kesihatan mental seharusnya menjadi agenda utama masjid dalam menjayakan matlamat ini.

Realiti semasa memperlihatkan keperluan mendesak terhadap pengaktifan peranan masjid dalam konteks pemeliharaan jiwa, terutamanya dalam era pasca-pandemik yang menyaksikan peningkatan isu kesihatan mental dan penderaan domestik. Inisiatif yang telah dijalankan di beberapa masjid di Malaysia seperti Program Kaunseling Syarie dan *Usrah Interaktif Sisterhood*, Program Pemerkasaan Ibu Tunggal *kasihnITa*, serta *Cahaya Dhuha Sejahtera Jiwa* di Masjid Sri Sendayan mencerminkan kesungguhan awal dalam menangani isu ini secara holistik. Pendekatan ini selari dengan cadangan Dusuki dan Abozaid (2007) yang menegaskan bahawa pelaksanaan *maqasid al-shari'ah* haruslah responsif terhadap keperluan sosial semasa dan mendukung prinsip *maṣlaḥah*, iaitu menjamin kebaikan umum dan mencegah kerosakan (*mafsadah*). Maka, masjid bukan sekadar institusi rohani, bahkan juga wadah pemulihan jiwa dan saluran pembelaan wanita menurut kerangka syariah yang berkesan dan berintegriti.

4.3 Prinsip pemeliharaan akal (*Hifz Al-'Aql*)

Hifz al-'aql menekankan keperluan melindungi, memperkasa dan memanfaatkan anugerah intelek manusia secara optimum demi kesejahteraan individu dan kemaslahatan masyarakat. Dalam konteks perlindungan wanita, terutamanya dalam lingkungan institusi masjid, prinsip ini membawa makna yang luas iaitu merangkumi keperluan untuk menyediakan ruang pendidikan yang kondusif, peluang pencerahan pemikiran, serta pembangunan intelektual dan moral yang mantap bagi membolehkan wanita membuat keputusan yang bijaksana, beretika dan selari dengan tuntutan syarak. Auda (2008) menjelaskan bahawa perlindungan akal tidak hanya terbatas kepada larangan penggunaan bahan memabukkan, tetapi turut mencakupi usaha menyuburkan minda melalui pendidikan bersepadu yang mendalam dan berterusan.

Masjid sebagai institusi keilmuan berperanan besar dalam merealisasikan aspirasi *hifz al-'aql* melalui pelbagai program seperti kuliah agama, halaqah tafsir dan hadis, forum pemikiran Islam kontemporari, serta latihan kemahiran berfikir kritis dan analitik. Wanita yang memperoleh pendidikan agama dan intelektual yang seimbang akan lebih berdaya tahan terhadap pemikiran menyimpang, pengaruh liberalisme melampau, ekstremisme agama serta manipulasi ajaran Islam oleh pihak berkepentingan. Hal ini sejalan dengan contoh daripada Rasulullah SAW yang memperuntukkan hari khusus bagi wanita untuk menuntut ilmu, memperlihatkan bahawa pendidikan merupakan hak asasi yang tidak boleh dinafikan kepada mana-mana jantina. Ibn 'Ashur (2006) turut menegaskan bahawa *maqasid al-syari'ah* bertujuan melahirkan individu yang rasional, beradab dan bertanggungjawab secara sosial.

Sebagai lanjutan daripada itu, pemerkasaan akal wanita seharusnya diperluaskan melalui inisiatif seperti seminar kesedaran hak wanita dalam Islam, latihan kepimpinan komuniti, kelas pengurusan kewangan Islam serta program literasi sosial dan hukum. Usaha ini bukan sahaja memperkukuh kefahaman wanita terhadap hak dan tanggungjawab mereka, malah memposisikan mereka sebagai agen perubahan dalam masyarakat. Dusuki dan Bouheraoua (2011) menekankan bahawa pembangunan intelektual berasaskan *maqasid al-syari'ah* adalah asas kepada pembentukan masyarakat yang adil, progresif dan sejahtera. Seperti yang diuraikan oleh al-Ghazali (2018) dalam *al-Mustasfa*, menjaga akal adalah antara lima tujuan utama syariah, dan sebarang inisiatif yang menyumbang ke arah perlindungan serta pembangunan akal harus dianggap sebagai masalah yang wajar diberi keutamaan. Maka, masjid kontemporari harus berperanan sebagai pusat pembangunan minda, bukan sekadar tempat ibadah, dalam usaha memperkasa wanita yang berilmu, rasional dan berprinsip dalam mendepani cabaran dunia moden.

4.4 Prinsip pemeliharaan keturunan (Hifz Al-Nasl)

Hifz al-nasl seringkali mendapat perhatian besar dalam wacana fiqh dan usul al-fiqh. Prinsip ini bertujuan untuk menjamin kelangsungan zuriat manusia melalui pemeliharaan sistem kekeluargaan yang sah, pengukuhan nilai moral, serta perlindungan terhadap maruah wanita dan anak-anak. Dalam kerangka *maqasid al-syari'ah*, pemeliharaan keturunan tidak sekadar merujuk kepada penetapan nasab secara sah, tetapi juga mencakupi usaha pembinaan struktur sosial yang stabil dan adil, yang menjamin kesejahteraan ibu, isteri dan anak-anak dalam pelbagai aspek seperti fizikal, emosi, ekonomi dan spiritual (al-Ghazali, 2018).

Dalam konteks ini, wanita memainkan peranan strategik sebagai tonggak institusi keluarga, sama ada sebagai isteri yang mengukuhkan hubungan perkahwinan, atau sebagai ibu yang mendidik dan membentuk generasi masa depan. Maka, mereka perlu dilindungi dan diberi sokongan dalam menjalankan peranan ini dengan seimbang dan bermaruah. Institusi masjid, sebagai pusat keagamaan dan komuniti Islam, berperanan besar dalam melaksanakan prinsip *hifz al-nasl* secara berstruktur dan inklusif. Antara usaha yang boleh digerakkan termasuklah program bimbingan pra-perkahwinan, kelas fiqh kekeluargaan, kaunseling syarie, serta forum kekeluargaan yang menekankan tanggungjawab suami isteri dan hak-hak wanita dalam rumah tangga. Ibn 'Ashur (2006) mengingatkan bahawa pelaksanaan *maqasid al-syari'ah* perlu berakar kepada institusi sosial yang kukuh, bukan semata-mata pengamalan individu. Maka, masjid wajar menjadi platform utama pendidikan kekeluargaan dan saluran perlindungan awal bagi wanita yang berdepan dengan konflik atau penganiayaan dalam institusi perkahwinan.

Usaha ini telahpun dirintis oleh beberapa masjid di Malaysia melalui program seperti *Usrah Wanita dan Keluarga*, *Kaunseling Syarie Mesra Wanita*, dan *Ceramah Hak Wanita dalam Perkahwinan*, yang dijalankan oleh kaunselor bertauliah dan ilmuwan wanita. Pendekatan ini selaras dengan pandangan Khan Afridi (2016) yang menekankan bahawa pelaksanaan *maqasid al-shari'ah* dalam konteks kontemporari memerlukan kolaborasi antara institusi agama dan komuniti untuk mewujudkan ekosistem sokongan sosial yang selamat dan berkesan. Firman Allah SWT dalam surah al-Rum, ayat 21 memperkukuh asas ini dengan menegaskan bahawa perkahwinan merupakan tanda kebesaran-Nya yang membawa ketenteraman, kasih sayang dan rahmat. Justeru, setiap inisiatif masjid dalam memperkukuh institusi keluarga dan membela kebajikan wanita adalah satu manifestasi praktikal terhadap *maqasid al-syari'ah*. Pemeliharaan keturunan, dalam pengertian yang luas, tidak hanya berfungsi mencegah keruntuhan moral, tetapi menjadi asas kepada pembangunan masyarakat rabbani yang bertunjangkan nilai rahmah, keadilan dan keutuhan keluarga.

4.5 Prinsip pemeliharaan harta (Hifz Al-Mal)

Hifz al-mal yang memainkan peranan kritikal dalam memastikan kestabilan sosial, keadilan ekonomi dan kesejahteraan individu dalam masyarakat Islam. Konsep ini tidak terhad kepada perlindungan terhadap harta fizikal seperti wang, tanah dan aset, tetapi turut meliputi pengurusan sumber daya secara beretika

serta jaminan terhadap hak pemilikan yang sah. Dalam konteks wanita, prinsip ini memperjuangkan pengiktirafan dan pelaksanaan hak mereka dalam urusan kewangan termasuk hak terhadap nafkah, harta pusaka, dan kebebasan ekonomi agar mereka tidak dizalimi atau dianiaya secara struktur mahupun budaya (al-Ghazali, 2018).

Dalam kerangka perlindungan wanita melalui prinsip *hifz al-mal*, masjid sebagai institusi keagamaan berperanan penting dalam memberi pencerahan dan pendidikan ekonomi kepada kaum wanita. Melalui pelaksanaan program seperti bengkel pengurusan kewangan keluarga, kaunseling kewangan Islam, dan ceramah tentang hak wanita dalam pewarisan harta, masjid bukan sahaja mendidik wanita mengenai hak-hak mereka yang dijamin oleh syarak, tetapi juga melatih mereka untuk mengurus sumber kewangan secara amanah dan bertanggungjawab. Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa', ayat 7 dengan tegas memperakui bahawa perempuan mempunyai hak yang sah terhadap harta pusaka, tanpa mengira jumlahnya. Pendidikan ekonomi ini mengangkat kedudukan wanita daripada hanya bergantung kepada pihak lain, kepada individu yang mampu membuat keputusan kewangan yang bijak dan adil. Ia juga membantu mengelakkan eksploitasi, ketidakseimbangan gender, serta kemiskinan yang lazimnya menimpa wanita yang tidak celik kewangan.

Tambahan pula, pendekatan yang holistik ini selaras dengan pandangan ulama moden seperti Ibn 'Ashur (2006) serta sarjana kontemporari seperti Khan Afridi (2016) dan Tamuri (2021) yang menekankan bahawa pemeliharaan harta dalam *maqasid al-syari'ah* perlu difahami dalam konteks kesejahteraan sosial dan pemberdayaan ekonomi, terutama bagi kelompok rentan seperti wanita. Peranan masjid bukan sahaja terbatas kepada fungsi ibadah, tetapi meluas sebagai pusat pembangunan komuniti yang memupuk nilai keadilan, tanggungjawab dan ketelusan dalam pengurusan harta. Dengan memberi ruang kepada wanita untuk memahami dan menuntut hak mereka dalam sistem ekonomi Islam, masjid turut menyumbang kepada penciptaan masyarakat yang lebih inklusif, berdaya saing dan sejahtera. Justeru, integrasi program perlindungan harta dalam aktiviti masjid bukan sahaja menepati roh syariah, tetapi juga memperkuat institusi keluarga dan struktur sosial melalui peningkatan keupayaan ekonomi wanita Muslimah secara berterusan.

5. PERKEMBANGAN MAQASID AL-SYARIAH DAN APLIKASINYA DALAM ERA MODEN

Maqasid al-syari'ah merujuk kepada objektif dan hikmah di sebalik pensyariaan hukum Islam, yang menekankan nilai kemaslahatan, keadilan, dan rahmat sejagat. Ia menampilkan syariah bukan sekadar sistem perundangan literal, tetapi sebagai kerangka nilai yang dinamik dan responsif terhadap perubahan zaman. Prinsip asas *maqasid al-syari'ah* menuntut agar hukum dinilai bukan hanya berdasarkan teks, tetapi juga dari segi tujuan dan kesan sosialnya (Kamali, 2008). Sejak era awal Islam, pendekatan Rasulullah SAW yang menitikberatkan maslahat dan penghapusan mudarat telah mencerminkan asas *maqasid al-syari'ah* secara implisit. Usaha formal pengkonsepsian *maqasid al-syari'ah* dimulakan oleh tokoh usul fiqh seperti Imam al-Juwaini (w. 478H) yang memperkenalkan konsep *al-maslahah al-'ammah* dan pengelasan keperluan manusia kepada *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* (Auda, 2008). Muridnya, Imam al-Ghazali (w. 505H), mengembangkan kerangka ini dengan menetapkan lima *maqasid* utama: pemeliharaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta (al-Ghazali, 2018). Dalam wacana kontemporari, *maqasid* semakin diiktiraf sebagai pendekatan penting dalam ijtihad dan penyesuaian hukum, membuktikan kesinambungan dan relevansinya dalam amalan Islam moden (Mohd Yusob et al., 2015).

Perkembangan konsep ini mencapai kematangan melalui karya al-Shatibi (w. 790H) dalam *al-Muwafaqat*, yang dianggap sebagai karya paling komprehensif dalam bidang *maqasid al-syari'ah* klasik. Al-Shatibi menegaskan bahawa *maqasid al-syari'ah* bukan sekadar pelengkap kepada hukum, tetapi merupakan asas utama kepada pensyariaan itu sendiri. Beliau menyatakan bahawa setiap hukum dalam Islam pasti bertujuan membawa maslahat dan menolak mudarat, dan tidak ada satu pun hukum yang bersifat arbitrari

atau tanpa tujuan (al-Shatibi, 2014). Pendekatan beliau menggabungkan antara nas dan akal dengan semangat keadilan dan kemanusiaan dalam penetapan hukum.

Dalam konteks kontemporari, pemikiran *maqasid al-syari'ah* semakin mendapat perhatian sebagai kerangka alternatif kepada pendekatan literal dan tekstual yang terlalu sempit. Ulama moden seperti Yusuf al-Qaradawi, Jasser Auda, dan Mohammad Hashim Kamali menekankan bahawa *maqasid al-syari'ah* perlu menjadi asas dalam ijtihad semasa, terutamanya dalam menangani isu-isu baru yang tidak disebut secara langsung dalam nas. Menurut Kamali (2008), *maqasid al-syari'ah* membantu menghubungkan antara nilai-nilai asas Islam seperti keadilan, kebebasan, dan kesaksamaan dengan keperluan kontemporari dalam bidang undang-undang, politik dan sosial.

Pengaruh *maqasid al-syari'ah* boleh dilihat secara nyata dalam pelbagai bidang amalan Islam moden. Dalam bidang kewangan Islam, misalnya, prinsip *maqasid al-syari'ah* digunakan untuk memastikan produk kewangan bukan sahaja mematuhi bentuk syariah, tetapi juga mencapai keadilan sosial dan mengelakkan eksploitasi. Dalam konteks hak wanita, *maqasid al-syari'ah* digunakan untuk memperjuangkan keadilan gender, perlindungan terhadap wanita dan kanak-kanak, serta pengukuhan institusi keluarga. Misalnya, pendekatan *maqasid al-syari'ah* telah dijadikan rujukan dalam pembangunan modul program perlindungan wanita di institusi masjid, dengan memberi perhatian kepada pemeliharaan maruah, keselamatan jiwa, kestabilan keluarga dan keadilan ekonomi (Khan Afridi, 2016).

Institusi fatwa dan pentadbiran syariah di negara-negara Islam seperti Mesir, Jordan, dan Malaysia semakin mengiktiraf *maqasid al-syari'ah* sebagai asas penting dalam penyusunan dasar dan pembuatan keputusan. Di Malaysia, prinsip *maqasid al-syari'ah* diterapkan dalam pelbagai dokumen dasar seperti *Dasar Wanita Negara* dan *Pelan Tindakan Keluarga Sakinah*, yang dirangka untuk menangani cabaran semasa secara inklusif dan berorientasikan maslahat. Pendekatan *maqasid al-syari'ah* yang melibatkan analisis teks dan penaakulan induktif turut menunjukkan kesepadanan metodologi dengan analisis tematik dalam penyelidikan kualitatif moden, sekali gus memperkuat kedudukannya dalam wacana Islam kontemporari (Alias et al., 2024).

Secara keseluruhan, *maqasid al-syari'ah* berfungsi sebagai wacana dinamik yang menghubungkan antara teks dan konteks, serta antara norma klasik dan realiti semasa. Ia bukan sekadar alat interpretasi hukum, tetapi juga kerangka etika dan sosial yang menyeluruh, membimbing pelaksanaan Islam dalam pelbagai dimensi kehidupan. Justeru, pendekatan *maqasid al-syari'ah* wajar diangkat sebagai teras utama dalam pembaharuan pemikiran Islam, berasaskan nilai, rahmat, dan kemaslahatan sejagat yang lestari.

6. KOMPONEN UTAMA PROGRAM PERLINDUNGAN WANITA DI MASJID

Dalam konteks kontemporari, masjid tidak lagi berperanan semata-mata sebagai ruang ibadah ritual, tetapi telah berevolusi menjadi institusi sosial yang signifikan dalam memperjuangkan kebajikan masyarakat, khususnya golongan wanita. Selaras dengan kerangka *maqasid al-syari'ah*, pembangunan program perlindungan wanita di masjid perlu diasaskan kepada lima prinsip utama iaitu pemeliharaan agama, jiwa, akal, keturunan, dan harta. Prinsip-prinsip ini menuntut pendekatan yang sistematik dan holistik dalam merangka inisiatif yang bukan sahaja bersifat reaktif, tetapi juga proaktif dalam menjamin kesejahteraan wanita dalam komuniti Islam.

6.1 Komponen pendidikan dan pencerahan ilmu

Komponen ini berperanan untuk membina kefahaman wanita terhadap Islam secara syumul dan kontekstual. Ramai wanita Muslim hari ini masih tidak menyedari hak-hak mereka dalam Islam berkaitan kekeluargaan, kewangan, pendidikan, dan peranan sosial, akibat daripada kurangnya pendedahan atau pengaruh budaya patriarki. Melalui kelas seperti *Fiqh Wanita Kontemporari*, *Tafsir Tematik Wanita*, dan

forum seperti *Wanita & Syariah*, masjid dapat memperkasakan wanita dengan ilmu yang berteraskan dalil al-Quran dan Sunnah serta dibingkai oleh *maqasid al-syari'ah*. Contohnya, Masjid Al-Ghufran Taman Tun Dr Ismail menganjurkan *Kelas Ilmu Wanita* secara mingguan yang melibatkan pengajian fiqh perkahwinan dan undang-undang syariah. Ini bukan sahaja menyokong prinsip *hifz al-din* dan *hifz al-'aql*, tetapi juga membantu wanita membuat keputusan hidup secara lebih berilmu dan bebas daripada ketergantungan semata-mata kepada pandangan luar yang mungkin tidak sah (JAKIM, 2022; Sa'ari, 2018).

6.2 Komponen kaunseling dan sokongan emosi

Masjid boleh menjadi tempat sokongan psikologi dan emosi, terutama bagi wanita yang menghadapi krisis rumahtangga, tekanan mental, atau menjadi mangsa penderaan. Dengan penubuhan Unit Sokongan Psikososial atau *Kaunter Kaunseling Wanita*, wanita boleh mengakses sesi bimbingan oleh kaunselor bertauliah atau pakar agama dalam suasana selamat dan beretika. Masjid Al-Azhar, Serdang, misalnya, menawarkan *Sesi Kaunseling Wanita dan Remaja* yang memberi tumpuan kepada isu konflik rumah tangga, krisis identiti, dan tekanan kerja. Program ini disokong oleh JAKIM serta LPPKN dan telah membantu ramai wanita mendapatkan semula kestabilan emosi. Komponen ini mengaktifkan prinsip *hifz al-nafs* secara langsung (Zainal, 2021).

6.3 Komponen perlindungan undang-undang dan sosial

Sebagai tempat rujukan agama, masjid perlu menjadi pemudahcara untuk wanita memahami dan menggunakan hak perundangan mereka, khususnya berkaitan penceraian, penjagaan anak, nafkah dan harta sepencarian. Dalam banyak kes, wanita tidak membuat aduan atau memperjuangkan hak mereka kerana tiada keberanian, kurang pengetahuan berhubung prosedur dan kurang mendapat sokongan daripada pihak ketiga. Melalui *Taklimat Undang-Undang Keluarga Islam*, *Sesi Ceramah bersama Pegawai Mahkamah Syariah*, dan *Bengkel Tatacara Fail Tuntutan*, masjid dapat membekalkan kefahaman praktikal dan realistik kepada wanita. Ini juga dapat mengelakkan mereka daripada dieksploitasi atau teraniaya secara sistemik. Di Masjid Negeri Pulau Pinang, program ini mendapat kerjasama Pejabat Agama Islam Negeri dan Biro Bantuan Guaman Syariah. Ini melindungi prinsip *hifz al-nasl* dan *hifz al-mal* (Abdullah & Hashim, 2015).

6.4 Komponen latihan kemahiran dan pembangunan ekonomi


Kemiskinan dan ketergantungan kewangan sering menjadi punca utama wanita tidak dapat keluar daripada situasi penderaan atau hubungan toksik. Maka, pemerkasaan ekonomi wanita melalui latihan kemahiran, kursus keusahawanan dan bantuan mikro boleh menjadi alat efektif dalam perlindungan jangka panjang. Masjid boleh bekerjasama dengan agensi zakat, koperasi, NGO dan sektor swasta bagi melaksanakan program seperti *Bengkel Bisnes dari Rumah*, *Literasi Kewangan Islam*, dan *Sijil Kemahiran Usahawan Muslimah*. Masjid Jamek Kampung Baru, misalnya, menganjurkan *Bazar Muslimah* bulanan dan menyediakan slot latihan pemasaran digital kepada wanita muda. Ini bukan sahaja menepati prinsip *hifz al-mal* tetapi juga mendukung *hifz al-nafs* dengan menjadikan wanita lebih berdikari (Othman & Ahmad, 2020).

6.5 Komponen perlindungan dan sokongan spiritual

Akhir sekali, elemen spiritual adalah asas kepada semua bentuk perlindungan dalam Islam. Wanita yang menghadapi cabaran emosi atau sosial memerlukan kekuatan rohani untuk terus tabah. Melalui program seperti *Usrah Muslimah*, *Majlis Zikir & Doa Selamat*, *Sesi Terapi Al-Quran*, dan *Kelas Tazkiyat al-Nafs*, masjid berperanan sebagai sumber sokongan rohani yang menyeluruh. Usaha seperti yang dilakukan oleh Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah melalui *Majlis Tadabbur Al-Quran Wanita* telah menyentuh banyak hati wanita, membantu mereka pulih daripada trauma dan membina semula kekuatan dalaman. Komponen ini jelas menyokong prinsip *hifz al-din* dan *hifz al-nafs* (Sa'ari, 2018; Ismail & Ahmad, 2020).

7. PEMERKASAAN PERLINDUNGAN WANITA DI MASJID MELALUI PENDEKATAN *MAQASID SYARIAH*

Institusi masjid berperanan bukan hanya sebagai tempat ibadah tetapi juga sebagai pusat pembangunan komuniti Islam. Dalam konteks semasa, pelbagai program yang dilaksanakan di masjid menyasarkan golongan wanita sebagai peserta utama, termasuk program perlindungan dan pemerkasaan wanita. Penyelarasan program-program ini dengan prinsip *maqasid al-shari'ah* memberi impak besar terhadap kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh. Melalui kerangka yang digambarkan dalam rajah 1 di bawah, program masjid yang menyasarkan perlindungan wanita dapat dilihat sebagai manifestasi praktikal terhadap pencapaian *maqasid* tersebut.



Rajah 1: Kerangka Pendekatan Maqasid al-Syari'ah dalam Program Perlindungan Wanita

Pertama, pemeliharaan agama tercapai melalui program-program ilmu seperti kelas tafsir, fiqh wanita, dan forum keagamaan. Program ini memberi kefahaman mendalam kepada wanita tentang tanggungjawab keagamaan mereka serta membimbing mereka menjauhi fahaman ekstrem dan liberal yang bercanggah dengan ajaran Islam (Abu Bakar et al., 2021; Mahadi et al., 2025). Ini penting dalam memastikan wanita mempunyai asas keimanan yang kukuh untuk menghadapi cabaran sosial dan ideologi semasa. Imam al-Ghazali menegaskan bahawa pemeliharaan agama adalah objektif utama syariah yang menjadi asas kepada semua tindakan syarak lain (al-Ghazali, 2018).

Kedua, prinsip pemeliharaan jiwa terzahir melalui program perlindungan sosial seperti kaunseling wanita, bantuan kepada mangsa keganasan rumah tangga, dan latihan kemahiran hidup. Program-program ini tidak hanya memberi perlindungan fizikal dan mental kepada wanita tetapi juga menyediakan ruang sokongan emosi dan psikologi (Kamaruddin & Dimon, 2023). Hal ini sejajar dengan *maqasid al-syari'ah* yang mementingkan kelangsungan hidup dan kesejahteraan individu. Islam memberi penekanan terhadap keselamatan dan perlindungan maruah insan, khususnya golongan rentan seperti wanita.

Ketiga, pemeliharaan akal dilaksanakan melalui pendidikan berterusan yang diberikan kepada wanita melalui ceramah ilmiah, seminar kesedaran sosial dan isu-isu kontemporari. Kelas literasi, bengkel pembangunan diri, dan pendidikan kesihatan mental juga antara inisiatif yang dapat melindungi minda wanita daripada kejahilan, pemikiran songsang, dan penyalahgunaan dadah atau media (Umar & Mat, 2024b). Pengetahuan dan pendidikan merupakan alat paling penting dalam memastikan akal dipelihara dan digunakan untuk kebaikan masyarakat.

Keempat, prinsip pemeliharaan keturunan pula dapat dilihat melalui kursus perkahwinan, program keibubapaan Islam, serta bimbingan kekeluargaan yang dianjurkan oleh masjid. Pendidikan tentang hak dan tanggungjawab dalam perkahwinan, perlindungan terhadap hak wanita dalam rumahtangga, serta bimbingan kepada ibu tunggal membantu mengekalkan institusi kekeluargaan Islam yang sihat (Ahmad et al., 2021). Al-Ghazali turut mengaitkan kepentingan menjaga keturunan dengan penekanan terhadap perkahwinan sah dan larangan terhadap kerosakan moral (al-Ghazali, 2018).

Akhir sekali, prinsip pemeliharaan harta dicapai melalui pendidikan kewangan Islam, hak pewarisan wanita, dan program bantuan ekonomi. Masjid memainkan peranan aktif dengan menganjurkan bengkel pengurusan kewangan, ceramah tentang faraid, dan sokongan zakat kepada wanita yang memerlukan. Ini memastikan wanita memahami dan mampu mempertahankan hak mereka dalam harta, serta mengelakkan ketidakadilan ekonomi yang menjejaskan keharmonian sosial (Remly et al., 2020).

Keselarsan program perlindungan wanita di masjid dengan prinsip *maqasid al-syari'ah* tidak hanya melindungi wanita dari sudut individu, tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat keseluruhan. Wanita yang berilmu, dilindungi, berkemahiran dan sedar akan hak serta tanggungjawab mereka mampu menjadi tonggak keluarga dan masyarakat. Oleh itu, pendekatan *maqasid al-syari'ah* ini seharusnya menjadi landasan utama dalam merangka dasar dan pelaksanaan program wanita di masjid agar manfaatnya melangkaui golongan sasaran dan menjangkau masyarakat luas secara holistik.

8. PERLAKSANAAN MAQASID SYARIAH UNTUK PERLINDUNGAN WANITA DI MASJID: CABARAN DAN PELUANG

Maqasid al-syariah menyediakan kerangka normatif yang bersifat universal, berteraskan pemeliharaan lima prinsip utama: *hifz al-din*, *hifz al-nafs*, *hifz al-'aql*, *hifz al-nasl*, dan *hifz al-mal*. Apabila diaplikasikan dalam bentuk program perlindungan wanita di masjid, prinsip-prinsip ini berpotensi besar dalam memperkukuh martabat dan kesejahteraan wanita Muslim. Namun, pelaksanaannya tidak berlaku dalam ruang sosial yang homogen, sebaliknya dipengaruhi oleh pelbagai faktor budaya, sosioekonomi, dan geopolitik. Oleh itu, analisis terhadap cabaran dan peluang pelaksanaan program berasaskan *maqasid al-syari'ah* dalam konteks budaya yang berbeza sama ada di kawasan bandar atau luar bandar, serta dalam masyarakat majoriti Islam mahupun minoriti Muslim adalah amat penting. Inisiatif seperti aktivisme wanita di masjid di Turki mencerminkan usaha memperjuangkan keadilan gender dalam ruang keagamaan, meskipun berdepan cabaran budaya dan penentangan digital (Nas, 2022). Sementara itu, pelaksanaan undang-undang Islam di Aceh menimbulkan persoalan tentang keterangkuman kumpulan minoriti bukan Islam, sekali gus menekankan keperluan pengharmonian undang-undang dalam konteks masyarakat majmuk (Mustaqilla et al., 2024).

8.1 Cabaran pelaksanaan

Salah satu cabaran utama ialah persepsi budaya terhadap peranan wanita di masjid. Di sesetengah kawasan, terutama di kampung tradisional atau masyarakat konservatif, wanita dilihat lebih sesuai berperanan di rumah, menyebabkan penglibatan mereka di masjid masih terbatas (Mahadi et al., 2025). Walaupun *maqasid al-syari'ah* menyokong perlindungan dan pemerdayaan wanita, norma budaya

kadangkala mengekang penerimaan terhadap program yang memberi ruang kepada wanita bersuara dan berdikari.

Selain itu, terdapat jurang sumber dan fasiliti antara masjid di bandar dan luar bandar. Masjid di kawasan bandar seperti Masjid Wilayah atau Masjid Negara memiliki kemudahan dan sokongan institusi untuk menjalankan program seperti kaunseling wanita, kelas fiqh wanita, dan seminar hak-hak wanita Islam. Namun, masjid di pedalaman seringkali kekurangan tenaga pakar, ruang privasi dan dana untuk menjalankan program seumpamanya (JAKIM, 2022).

Cabaran lain termasuk kekangan undang-undang atau dasar negeri yang berbeza mengenai peranan wanita di masjid. Dalam beberapa konteks tempatan di Malaysia, wanita menghadapi cabaran dalam mengakses masjid secara aktif, terutama pada waktu malam, disebabkan kekangan fasiliti khas untuk wanita, keterbatasan ruang, dan ketiadaan kelas berfokuskan wanita. Keadaan ini secara tidak langsung menghadkan penyertaan mereka dalam program perlindungan dan pemerkasaan berasaskan *maqasid al-syari'ah* yang diadakan di masjid (Bakar et al., 2023). Tambahan pula, interpretasi sempit terhadap syariah oleh sesetengah individu atau institusi juga menjadi penghalang. Sebahagian pihak beranggapan bahawa *maqasid al-syari'ah* hanya bersifat teori, bukan praktikal, menyebabkan kurangnya inisiatif untuk menyesuaikan prinsip ini dengan keperluan sebenar wanita di lapangan (Umar & Mat, 2024).

8.2 Peluang dan potensi

Di sebalik cabaran, terdapat banyak peluang untuk memperluas pelaksanaan *maqasid al-syari'ah* melalui program wanita di masjid. Salah satu kekuatan ialah kesedaran yang semakin meningkat dalam kalangan wanita mengenai peranan mereka dalam Islam. Ini memberi ruang kepada masjid untuk menawarkan program pendidikan agama yang lebih inklusif seperti tafsir bertemakan isu wanita, fiqh wanita, dan literasi kewangan Islam untuk usahawan wanita.

Selain itu, penggunaan teknologi dan platform digital membuka peluang besar untuk menyampaikan program masjid kepada golongan wanita, khususnya mereka yang tinggal jauh dari masjid atau menghadapi kekangan mobiliti. Program kuliah dalam talian, kaunseling maya, dan seminar dalam talian seperti yang dilaksanakan oleh Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin semasa pandemik COVID-19, membuktikan bahawa pendekatan teknologi moden boleh memperluas capaian *maqasid al-syari'ah* dalam perlindungan wanita.

Peluang juga hadir melalui kerjasama strategik antara masjid, NGO Islam, dan agensi kerajaan. Contohnya, program 'Wanita Sejahtera' anjuran bersama masjid dan Lembaga Zakat Negeri Selangor menyediakan latihan kemahiran, bantuan modal mikro, dan bimbingan spiritual kepada ibu tunggal dan wanita B40. Inisiatif ini selari dengan objektif *maqasid al-syari'ah* untuk menjaga jiwa, akal dan harta wanita. Malah, perkara yang paling penting ialah prinsip *maqasid al-syari'ah* bersifat fleksibel dan kontekstual, membenarkan penyesuaian program perlindungan wanita mengikut budaya dan keperluan setempat tanpa menjejaskan nilai-nilai Islam. Ini membuka ruang kepada masjid untuk menerapkan pendekatan budaya setempat (*'urf*) secara bijaksana, seperti memulakan program dengan libat urus bersama pemimpin komuniti dan wanita tempatan.

8.3 Implikasi untuk dasar dan amalan

Pelaksanaan program perlindungan wanita berasaskan *maqasid al-syari'ah* membawa implikasi besar kepada dasar dan amalan institusi masjid di Malaysia. Melalui pendekatan *maqasid al-syari'ah* yang menekankan pemeliharaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta, masjid dapat memainkan peranan sebagai institusi pembangunan komuniti yang bukan sahaja menumpukan kepada ibadah, tetapi juga kepada pemeliharaan hak dan maruah wanita Islam secara holistik (Umar & Mat, 2024).

Dari sudut dasar, keperluan kepada suatu garis panduan nasional yang menyeluruh dalam melaksanakan program perlindungan wanita di masjid adalah semakin mendesak. Garis panduan ini perlu

merangkumi dasar pelantikan wanita dalam jawatankuasa masjid, pengwujudan program pembangunan keluarga berteraskan Islam, serta peruntukan ruang dan fasiliti yang mesra wanita. Ketika ini, pelaksanaan program wanita di masjid bergantung kepada inisiatif tempatan, yang mengakibatkan ketidakseimbangan dalam capaian dan keberkesanan program (Mustari & Jasmi, 2008). Oleh itu, dasar yang lebih berstruktur akan menjamin keadilan sosial dan keberkesanan misi perlindungan berterusan.

Dari sudut pelaksanaan, masjid wajar berfungsi sebagai hab kolaboratif antara institusi agama, agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) wanita Islam. Pendekatan bersepadu ini membolehkan pelaksanaan program perlindungan wanita yang lebih menyeluruh dan berkesan. Antara inisiatif yang boleh diinstitusikan termasuklah klinik guaman syariah, sokongan psikososial bagi mangsa keganasan rumah tangga, serta seminar kesihatan mental yang berfokuskan wanita Muslim (Bakar et al., 2023). Di samping itu, latihan khusus kepada pegawai masjid mengenai prinsip *maqasid al-syari'ah* dalam konteks wanita adalah penting bagi memastikan setiap keputusan dan aktiviti masjid mengambil kira dimensi perlindungan, pendidikan, dan pemerkasaan wanita secara holistik. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh fungsi masjid sebagai pusat ibadah, tetapi juga sebagai institusi pembangunan sosial yang responsif terhadap keperluan semasa.

Lebih daripada aspek fizikal dan ekonomi, perlindungan wanita dalam kerangka *maqasid al-syariah* turut merangkumi dimensi spiritual dan intelektual. Justeru, masjid perlu menyediakan ruang ilmu yang kondusif dan inklusif untuk wanita, melalui penganjuran kelas tafsir, fiqh wanita, serta wacana interaktif berkaitan hak dan peranan wanita Muslim dalam kerangka syariah. Penglibatan aktif wanita dalam pengimarah masjid, termasuk dalam aspek kepimpinan dan perancangan program, mencerminkan pelaksanaan *maqasid al-syari'ah* dalam bentuk yang kontekstual dan berdaya saing. Secara keseluruhannya, pemerkasaan *maqasid al-syari'ah* dalam dasar dan amalan masjid membuka ruang transformasi institusi keagamaan ke arah menjadi pusat perlindungan, pendidikan, dan pemerkasaan wanita Islam, sekali gus menyumbang secara signifikan kepada kesejahteraan komuniti Islam secara menyeluruh.

9. KESIMPULAN

Kajian ini meneliti keterlibatan wanita di masjid melalui lensa *maqasid al-syari'ah*, dengan memberi tumpuan kepada analisis program dan aktiviti perlindungan wanita yang dirangka berasaskan lima prinsip utama: pemeliharaan agama, jiwa, akal, keturunan, dan harta. Hasil dapatan menunjukkan bahawa prinsip-prinsip ini bukan sahaja relevan, malah mampu menjadi asas yang kukuh dalam merangka dasar dan inisiatif perlindungan wanita yang bersifat menyeluruh dan kontekstual. Masjid, sebagai institusi keagamaan yang berakar dalam komuniti, mempunyai potensi besar untuk berfungsi sebagai pusat perlindungan, pendidikan, dan pemerkasaan wanita.

Pelaksanaan program seperti kelas fiqh wanita, pusat kaunseling keluarga Islam, latihan kemahiran sendiri, klinik guaman syariah, dan sokongan psikososial mencerminkan aplikasi praktikal *maqasid al-syari'ah* dalam memenuhi keperluan semasa wanita Muslim. Namun, pelaksanaan ini tidak terlepas daripada pelbagai cabaran, termasuk jurang kemudahan antara bandar dan luar bandar, kekangan budaya yang membataskan penglibatan wanita, serta ketiadaan dasar penyelarasan yang mantap. Oleh itu, kerjasama strategik antara institusi masjid, agensi kerajaan, NGO wanita, dan ahli akademik amat diperlukan bagi memastikan pelaksanaan program yang inklusif, berkesan dan berteraskan nilai *maqasid al-syari'ah*.

Kesedaran dan kefahaman terhadap prinsip *maqasid al-syari'ah* perlu diperkukuh dalam kalangan pentadbir masjid dan masyarakat umum agar penyertaan wanita tidak lagi dilihat sebagai ancaman terhadap tradisi, tetapi sebagai pelengkap kepada fungsi masjid sebagai pusat pembangunan ummah. Masjid harus ditransformasikan daripada sekadar ruang ibadah ritual kepada institusi dinamik yang menyediakan perlindungan, pendidikan, dan peluang pemerkasaan kepada wanita. Pendekatan ini bukan sahaja

menyumbang kepada kesejahteraan individu wanita, tetapi juga memperkuat struktur sosial dan moral masyarakat Muslim secara keseluruhan.

10. PENGHARGAAN/PEMBIAYAAN

Para Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia atas kemudahan serta sokongan kewangan yang telah diberikan bagi menayakan penyelidikan ini.

11. KONFLIK KEPENTINGAN

Para Penulis bersetuju bahawa penyelidikan ini telah dijalankan tanpa sebarang kepentingan peribadi, konflik komersial atau kewangan serta mengisytiharkan tiadanya pertentangan kepentingan dengan pihak penaja.

12. SUMBANGAN PENULIS

Mohammad Nor Izzuddin Mohd Parid: Konsep asal, metodologi, analisis, penyiasatan dan penulisan draf asal; **Mohd Farid Mohd Sharif:** Konsep asal, penyeliaan, analisis formal, penulisan dan penyuntingan, and pengesahan.

13. RUJUKAN

- Abdul Wahab, N., & Nordin, F. N. M. (2021). Masjid Sebagai Pusat Transit Perlindungan Dan Aduan Kes Keganasan Rumah Tangga: Tinjauan Awal. *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 1(2), 96–111. <https://doi.org/10.53840/almimbar.v1i2.29>
- Abu Bakar, S., Abd Majid, M., & Dimon, Z. (2021). Tinjauan Tematik Mengenai Keterlibatan Wanita Dalam Pengimarahen Masjid. *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 1(1), 49–58. <https://almimbar.uis.edu.my/index.php/almimbar/article/view/16>
- Abu Bakar, S., Ismail, N., Ismail, K., & Bakar, N. H. (2023a). Pemerkasaan Wanita Melalui Aktiviti Pendidikan Di Masjid Dan Surau Di Bandar Ilmu Putra Mahkota, Kajang, Selangor. *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 3(2), 1–12. <https://almimbar.uis.edu.my/index.php/almimbar/article/view/73>
- Abu Bakar, S., Ismail, N., Ismail, K., & Bakar, N. H. (2023b). Peranan Dan Cabaran Muslimat Dalam Pengimarahen Masjid. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 10(2), 50–64. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v10i2.131>
- Abu Rabi', I. M. (2006). *The Blackwell Companion to Contemporary Islamic Thought* (I. M. Abu Rabi', Ed.; 1st ed.). Blackwell Publishing.
- Ahmad, W. N. A. W., Ismail, A., & Mokhtar, A. I. (2021). [Syariah Maqasid Perspective in Preserving Family Institution] Perspektif Maqasid Syariah dalam Memelihara Institusi Keluarga. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22(3), 17–28.
- Al-Asqalani, I. H. (2004). *Fath al-bari bi-sharh Sahih al-Bukhari*. Dar al-Hadith.
- Al-Ghazali, A. H. M. (2018). *Al-Mustasfa min 'ilm al-Usul. (On Legal theory of Muslim Jurisprudence)* (A. Z. M. Hammad, Trans.; Vol. 1). Dar ul Thaqafah.
- Alias, M. N., Abdullah, M. N., Kamis, M. S., Afandi, A. J., & Alias, N. (2024). Scientific Approach As The Basis For The Formation Of Maqāṣid Al-Sharī‘Ah Concept And Principles: A Comparative Study. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(2), 350–363. <https://doi.org/10.33102/MJSL.VOL12NO2.568>

- Al-Shatibi, I. I. M. A. I. (2014). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'a (The Reconciliation of the Fundamentals of Islamic Law)* (I. A. K. Nyazee, Trans.; 1st ed., Vol. 2). Garnet Publishing Limited.
- Auda, J. (2008). *Maqasid al-Shari'ah as Philosophy of Islamic Law*. International Institute of Islamic Thought.
- Bakar, N. H., Abu Bakar, S., Ismail, K., & Ismail, N. (2023). Cabaran Muslimat Dalam Pengimarahen Masjid Di Bandar Ilmu Putra Mahkota. *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*. <https://doi.org/10.53840/almimbar.v3i2.75>
- Dusuki, A. W., & Abozaid, A. (2007). A Critical Appraisal On The Challenges Of Realizing Maqasid Al-Shariaah In Islamic Banking And Finance. *International Journal of Economics, Management and Accounting*, 15(2), 143–165. <https://doi.org/10.31436/IJEMA.V15I2.133>
- Dusuki, A. W., & Bouheraoua, S. (2011). The Framework of Maqasid al-Shari'ah and its Implication for Islamic Finance. *ICR Journal*, 2(2), 316–336. <https://doi.org/10.52282/ICR.V2I2.651>
- Ibn Ashur, M. A.-T. (2006). *Ibn Ashur : treatise on Maqasid al-Shari'ah*. International Institute of Islamic Thought.
- Ismail, N., Abu Bakar, S., Ismail, K., & Bakar, N. H. (2023). Peranan Muslimat Dalam Menjadikan Masjid Sebagai Pusat Khidmat Sosial. *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 3(2), 13–26. <https://doi.org/10.53840/almimbar.v3i2.74>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2023, June 26). *Program Kaunseling Syarie Dan Usrah Interaktif Kumpulan Sisterhood*. https://www.islam.gov.my/en/berita/3734-program-kaunseling-syarie-dan-usrah-interaktif-kumpulan-sisterhood?utm_source
- Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). (2025, May 16). Program Kasih Ibu Tunggal (kasihnITA) Tahun 2025 Anjuran Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). https://www.facebook.com/jpwanitapahang/posts/PROGRAM-KASIH-IBU-TUNGGAL-kasihniTA-TAHUN-2025-ANJURAN-JABATAN-PEMBANGUNAN-WANIT/1268539075274116/?utm_source
- Kamali, M. H. (2008). *Shari'ah Law: An Introduction*. Oneworld Publications. <https://www.perlego.com/book/950357/shariah-law-an-introduction-pdf>
- Kamaruddin, N., & Dimon, Z. (2023). Peranan Masjid Dalam Menyantuni Wanita Berihdad. *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 3(2), 74–83. <https://almimbar.uis.edu.my/index.php/almimbar/article/view/79>
- Khan Afridi, M. A. (2016). Maqasid Al-Shari'ah And Preservation Of Basic Rights Under The Theme “Islam And Its Perspectives On Global & Local Contemporary Challenges.” *Journal of Education and Social Sciences*, 4, 274–285.
- Laporan Tahunan JAKIM 2022. (2022). https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/laporan/Laporan%20Tahunan%20JAKIM%202022_new.pdf
- Mahadi, M. H., Ibrahim, S. S., Abd Rahman, S. N. H., Babge, S. N., & Ismail, A. M. (2025). Aplikasi Maqasid Shariah dalam Menangani Cabaran Isu Pemikiran Kontemporari. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 22(1). <https://doi.org/10.17576/EBANGI.2025.2201.42>
- Mohd Yusob, M. L., Salleh, M. A., Haron, A. S., Makhtar, M., Asari K.N., & Jamil L.S.M. (2015). Maqasid al-shariah as a parameter for islamic countries in screening international treaties before ratification: An analysis. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 23(Special Issue 11), 219–226. <https://www.scopus.com/pages/publications/85012867906>
- Mohd. Yusof, F., & Nordin, N. R. (2010). *Pandangan Gerakan Islam Liberal Terhadap Hak Asasi Wanita*. Mustaqilla, S., Abdullah, I., Ichwan, M. N., & Lailatussaadah. (2024). The Existence of Non-Muslim Minorities in Aceh Indonesia: A Study of Civil and Police Institutions. *Samarah*, 8(1), 628–645. <https://doi.org/10.22373/SJHK.V8I1.17386>
- Mustari, M. I., & Jasmi, K. A. (2008). Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid. In M. I. Mustari & K. A. Jasmi (Eds.), *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Penerbit UTM Press. https://www.researchgate.net/publication/293097499_Pengurusan_Berkualiti_Memacu_Kecemerlangan_Pengurusan_Masjid

- Nas, A. (2022). "Women in Mosques": Mapping The Gendered Religious Space Through Online Activism. *Feminist Media Studies*, 22(5), 1163–1178. <https://doi.org/10.1080/14680777.2021.1878547>
- Nasr, S. H. (2002). *The Heart of Islam: Enduring Values for Humanity*. HarperOne.
- Portal Rasmi JAKIM - Dasar Dan Pelan Tindakan Keluarga Sakinah Negara. (2015, November 25). Portal Rasmi JAKIM. <https://www.islam.gov.my/ms/berita/1631-dasar-dan-pelan-tindakan-keluarga-sakinah-negara>
- Remly, M. R., Abdul Kadir, M. N., Othman, F., & Sabaruddin, S. A. (2020). Prinsip sosial dalam pengimarahannya institusi masjid: Kajian di masjid bertaraf cemerlang. *Jurnal Hadhari*, 12(1), 1–15.
- Sa'ari, C. Z., & Borhan, J. T. (2006). Peranan Wanita Dalam Pengukuhan Akidah Umat Islam. *Jurnal Usuluddin*, 35, 35–50.
- Santoso, D., Yusefri, Shesa, L., Asmara, M., Usmani, S. A. A., & Syarifudin, A. (2022). The Understanding of the Jamaah Tabligh on Wife Gender Justice: A Maqāṣid Shari'a Review. *Juris: Jurnal Ilmiah Syariah*, 21(2), 183–194. <https://doi.org/10.31958/JURIS.V21I2.6935>
- Sitti Nurul Adha. (2024). *Masjid Ramah Perempuan Dalam Al-Qur'an Perspektif Maqāshid al-Syari'ah Jasser Auda*. Pascasarjana Universitas PTIQ Jakarta.
- Tamuri, Ab. H. (2021). Konsep Dan Pelaksanaan Fungsi Masjid Dalam Memartabatkan Masyarakat. *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 1–12. <https://doi.org/10.53840/almimbar.v1i1.11>
- Umar, A., & Mat, H. (2024a). Penerapan Maqasid al-Syariah dalam Pembangunan Model Kepemimpinan Wanita di Malaysia: The Application of Maqasid al-Shariah in the Development of. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 151–165. <http://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/335>
- Umar, A., & Mat, H. (2024b). Relevansi Teori Maqasid Al-Syariah Sebagai Landasan Pembangunan Model Kepemimpinan Negara Malaysia Bagi Wanita. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali Ke-9 (PASAK9 2024)*, 858–862.
- Wadud, A. (2006). *Inside the Gender Jihad: Women's Reform in Islam*. Oneworld Publications.



© 2025 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

About the Authors

Mohammad Nor Izzuddin bin Mohd Parid, is MA candidate in the Islamic Studies Section, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia. His main research activity is in the area of Islamic thought and muslim societies. He can be reached through his email at izzuddinparid@student.usm.my.

Mohd Farid bin Mohd Sharif, PhD is Associate Professor in the Islamic Studies Section, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia. His main research activity is in the area of classical and contemporary Islamic thought. He has published widely on these subjects in publications such as *KEMANUSIAAN The Asian Journal of Humanities*, *AFKAR: Journal of 'Aqidah and Islamic Thought*, *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, *Arab Law Quarterly*. He can be reached through his email at faridusm@usm.my.